



08 MAY, 2024

Deftech jalin kerjasama kembang sistem pesawat tanpa pemandu

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Deftech jalin kerjasama kembang sistem pesawat tanpa pemandu

KUALA LUMPUR – DRB-HICOM Defence Technologies Sdn. Bhd (Deftech) memeterai perjanjian kerjasama untuk mengembangkan segmen sistem pesawat tanpa pemandu (UAS).

Perjanjian kerjasama itu melibatkan anak syarikat Deftech, Deftech Unmanned Systems (DUS) dengan Sichuan AOSSCI Technology Co. Ltd. (AOSSCI) dan TNB Integrated Learning Solution (ILSAS).

Pegawai Eksekutif Deftech, Mohammad Shanaz Mohammad Shees berkata, kerjasama itu melibatkan perkongsian teknologi dan kepakaran dengan kedua-dua pihak kepentingan tersebut.

Katanya, AOSSCI adalah salah satu pengeluar dron terbesar di China dan kerjasama ini akan dapat memanfaatkan keupayaan gabungan untuk memacu teknologi UAS Malaysia.

"Dengan rangkaian produk lebih luas, disokong kepakaran teknikal tempatan, saya yakin usahasama ini akan membantu mengembangkan lagi projek UAS pada masa akan datang.

"Sementara itu, bagi kerjasama dengan ILSAS, ia melibatkan latihan dan pembelajaran



MOHAMMAD SHANAZ (duduk kiri) dan Pengarah Pelanggan Utama Sichuan AOSSCI Technology Co. Ltd., Yi Wu (kanan) menandatangani dokumen perjanjian kerjasama di Kuala Lumpur semalam. – AMIR KHALID

khususnya bagi sektor tenaga," katanya pada majlis kerjasama tersebut di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini semalam.

Mengulas lanjut, Mohammad Shanaz berkata, kerjasama itu juga membuktikan komitmen DUS dalam merealisasikan aspirasi kerajaan ke arah industri pertahanan yang lebih berdikari dan berkemampuan tinggi.

Ia termasuk dari segi teknologi dengan merangsang kepakaran

teknikal tempatan Malaysia dalam bidang robotik dan sistem tanpa pemandu.

Pada majlis yang sama, DUS menerima pensijilan daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) untuk Kelulusan Projek Sistem Pesawat Tanpa Pemandu Khas (SUP) bagi UAS Jarak Jauh.

Dengan kelulusan ini, DUS menjadi syarikat Malaysia pertama diperakui oleh CAAM untuk penerbangan jarak jauh UAS.